

14 MAR 1997

Khalil - Persiapan

PERSIAPAN PERASMIAN KILANG OLEH PERDANA MENTERI BERJALAN LANCAR

KUANTAN, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kilang petrokimia W.R Grace Kuantan dan Bandar MEC apabila melawat Kuantan Isnin ini.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob berkata beliau berpuas hati dengan persiapan bagi perasmian kedua-dua premis itu.

Semasa ditemui pemberita selepas meninjau persiapan bagi upacara perasmian berkenaan, Khalil berkata tinjauan ialah untuk memperkemaskan butiran terperinci bagi memastikan segalanya berjalan lancar.

Dr Mahathir dijadual merasmikan kilang W.R Grace Kuantan di Kawasan Perindustrian Gebeng di sini yang mengandungi dua buah kilang iaitu Grace Packaging dan Grace Specialty Chemical Plant.

Kedua-dua kilang itu merupakan anak syarikat W.R Grace yang berpangkalan di Florida, Amerika Syarikat. Ia membabitkan pelaburan berjumlah RM215 juta di kawasan seluas 30.34 hektar.

Perdana Menteri kemudian akan berlepas ke Kawasan Perindustrian Gambang untuk merasmikan Malaysia Electric City (MEC) iaitu sebuah perbandaran moden bersepadu yang merupakan pusat pengeluaran peralatan elektrik Malaysia yang pertama.

MEC City diwujudkan di kawasan seluas kira-kira 1,400 hektar berhampiran Lebuhraya Pantai Timur membabitkan pelaburan kira-kira RM4,000 juta.

Selepas itu, Perdana Menteri dijadual meninjau projek empangan di Tasik Cini dan menaiki helikopter untuk ke Taman Negara, Kuala Tembeling. --
BERNAMA

ROS FAZ